

## Sepuluh Orang Puteri Lulus Ujian Tahun Pertama



Kelas Latihan Guru di Madrasah Mişriyah.

Ogos 1955 ialah tarikh munculnya sebuah kelas latihan guru wanita di Madrasah Mişriyah Bukit Mertajam. Seramai 150 orang murid telah diterima kerana kelas tersebut yang datangnya dari seluruh Tanah Melayu termasuk dua orang puteri dari Singapura. Mereka itu telah dibahagikan ke dalam dua bahagian iaitu *Tahḍīr al-Muʿalamāt* (latihan guru) dan *īʿdādī* (persediaan).

Pada 15 Zulhijjah baharu-baharu ini peperiksaan akhir penggal bagi kadua-dua kelas ini telah dijalankan maka hasilnya ialah 10 orang dari kelas latihan guru itu yang berkelayakan dinaikkan ke kelas *Tahḍīr al-Muʿalamāt* tahun kedua. Pengenalan mereka ialah: yang duduk dari kiri: Aishah binti Haji Hashim, Rahmah Mahmud, Asma Syeikh Nawawi, Rahmah Atan. Dan berdiri dari kiri: Jam'iyah Muhammad Rasul, Nuriyah Kasban, Hindun Abdullah, Maimunah

Syeikh Nawawī, Hafsaḥ Ya'qub dan Ruqayyah Hashim, dan susunan mereka di dalam kelulusan tersebut adalah demikian:

Yang pertama: Asma binti Syeikh Nawawī dari Perak, Rahmah binti Atan Singapura, Hafsaḥ binti Ya'qub Pahang, dan ketiga-tiganya adalah mendapat darjah jaid jiddan (terbaik sekali) dan mumtaz (istimewa).

Adalah dijangkakan bahawa sebuah asrama baharu akan siap pada akhir bulan Safar ini atau pada pertengahan yang boleh menempatkan seramai 80 orang murid baharu maka dengan ini terbukalah peluang kepada puteri-puteri yang ingin belajar di kelas-kelas tersebut, dan bayaran makan yang hanya sebanyak \$20/ sebulan itu adalah melegakan tanggungan ibu bapa yang tidak berkeluasan.

Demikian keterangan Tuan Haji Yahya Taib Setiausaha Madrasah Misriyah itu kepada Qalam.